

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PENJAJA MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

DASAR PERMOHONAN LESEN PENJAJA

1. Tidak dibenarkan untuk menjalankan aktiviti perniagaan:-
 - a) Dalam lingkungan 9 meter dari persimpangan jalan
 - b) Dalam lingkungan 3.6 meter dari pili bomba
 - c) Di atas tangga, kaki lima atau laluan pejalan kaki awam
2. Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu kelancaran lalulintas kenderaan dan pergerakan pejalan kaki.
3. Kereta tolak yang digunakan oleh penjaja beredar tidak boleh melebihi 2 meter panjang dan 1 meter lebar serta atap tidak boleh melebihi 1.3 meter dari mana-mana bahagian kereta tolak.
4. Tidak dibenarkan menjalankan sebarang aktiviti perniagaan di sepanjang kawasan persisir pantai Pengkalan Balak dan Tanjung Bidara.
5. Tidak dibenarkan menjalankan sebarang aktiviti perniagaan di kawasan rezab jalan JKR dan tanah kerajaan tanpa kebenaran agensi terbabit.
6. Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan di dalam kawasan taman kecuali dengan kelulusan pihak majlis.
7. Kawasan yang dilarang untuk menjaja adalah:-
 - a) Lebuh AMJ
 - b) Hadapan Sekolah
 - c) Hadapan Hospital

LESEN PERNIAGAAN PENJAJA BERGERAK (FOOD TRUCK)

1. Hanya kenderaan yang dibenarkan dan diluluskan sebagai kenderaan bergerak untuk aktiviti perniagaan sahaja dibenarkan untuk mendapatkan lesen perniagaan.
2. Setiap penjaja bergerak hanya dibenarkan memohon 5 lokasi perniagaan sahaja
3. Setiap permohonan lokasi perniagaan mesti dinyatakan secara jelas lokasi perniagaan seperti di petak parking bernombor, no. tiang elektrik, dihadapan premis dan lain-lain
4. Kenderaan yang digunakan sebagai penjaja bergerak perlu mempunyai cukai jalan yang masih sah dan kelulusan PUSPAKOM.

PREMIS MAKANAN

1. Setiap permohonan lesen premis makanan perlu disertakan dengan pengesahan telah menghadiri Kursus Pengendalian Makanan oleh agensi yang dibenarkan dan telah mendapat suntikan typhoid bagi semua pekerja yang mengendalikan makanan di premis perniagaan.
 2. Setiap premis makanan diwajibkan telah memasang perangkap minyak di premis perniagaan makanan.
 3. Mempunyai tandas dan tempat mencuci tangan.
 4. Mempunyai corong asap sehingga ke bumbung.
-

GARIS PANDUAN DAN PERATURAN LESEN SEMENTARA PENJAJA

1. Menjalankan perniagaan di petak yang diluluskan oleh pihak Majlis sahaja
2. Kebersihan Petak Penjaja yang digunakan perlu diselenggara dan dijaga dengan baik semasa berniaga dan selepas tamat waktu berniaga, serta menyediakan tong sampah yang secukupnya dan bersih dari sebarang kekotoran
3. Tidak dibenarkan sama sekali meninggalkan atau meletakkan atau menyimpan peralatan di tempat yang digunakan sebagai tempat tambahan untuk perniagaan selepas sahaja waktu yang dibenarkan
4. Tidak dibenarkan sama sekali meninggalkan atau meletakkan gerai sementara atau 'stall' selepas waktu perniagaan selesai
5. Peniaga perlu memastikan kawasan yang disewa tidak mengganggu lalulintas atau menyebabkan kacau ganggu kepada pihak lain dan tiada sebarang struktur kekal dibenarkan di Petak Penjaja berkenaan
6. Peniaga perlulah mematuhi had operasi yang dibenarkan mengikut Masa Operasi Perniagaan yang diluluskan oleh Jabatan Pelesenan
7. Peniaga adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak Majlis, dan jika terdapat aduan-aduan yang berasas, pihak Majlis boleh membatalkan permit dengan serta merta
8. Pihak Majlis berhak untuk menarik balik kelulusan yang diberikan, sekiranya terdapat sebarang pelanggaran yang dirasakan boleh menggugat kesejahteraan orang awam atau melanggar hak-hak individu yang berkenaan dan pemeriksaan mengejut akan dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan segala arahan dan peraturan dipatuhi
9. Peniaga diwajibkan mempamerkan Lesen Sementara Penjaja sepanjang tempoh masa perniagaan dijalankan dan meletakkannya di tempat yang ditetapkan
10. Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan di dalam kawasan taman atau dihadapan kawasan kediaman.
11. Jarak yang dibenarkan untuk menjalankan aktiviti perniagaan dihadapan sekolah adalah 40 meter dari pagar sekolah.